

SH 8/12/2019 M/S 31

Bot karam, nelayan hilang di laut

DUNGUN - Seorang nelayan hilang di laut selepas bot yang dinaiki bersama dua rakannya karam dipukul ombak di muara Kuala Dungun pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.30 pagi itu, mangsa, Afandi Zakaria, 42, dari Jalan Bunga Raya di sini didapati terpisah daripada dua rakannya, Mohamad Ekhsan Kamaruddin, 32, dan Mohd Fadhil Jusoh, 39.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Baharudin Abdullah berkata, ketiga-tiga nelayan tersebut sebelum itu cuba melepasi muara sungai namun dipukul ombak besar lalu

bot yang dinaiki karam.

“Dua rakan mangsa berjaya menyelamatkan diri dengan berenang ke pantai sambil berpaut dengan tong minyak manakala Afandi hilang dibawa arus.

“Mereka kemudiannya dihantar ke Hospital Dungun untuk menerima rawatan kesihatan sebelum dibenarkan pulang,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Baharudin berkata, gerakan mencari dan menyelamat sudah dilancarkan dengan kerjasama polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

FOTO: IHSAN PEMBACA



Baharudin (lima dari kiri) turun padang meninjau operasi mencari dan menyelamat semalam.